



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### MESYUARAT LEMBAGA EKSEKUTIF *WORLD HEALTH ORGANIZATION* (WHO) SESI KE-152 DI GENEVA, SWITZERLAND, 30 JANUARI 2023 - 7 FEBRUARI 2023

26 JANUARI 2023

---

YB Menteri Kesihatan dan delegasi akan menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif *World Health Organization* (WHO) Sesi Ke-152 di Geneva, Switzerland. Mesyuarat ini merupakan lawatan rasmi pertama YB Menteri Kesihatan ke luar negara.

YB Menteri Kesihatan akan diiringi oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif (*Executive Board*) WHO merupakan mesyuarat berkala yang dihadiri oleh Menteri-Menteri Kesihatan, Ketua-Ketua Pengarah Kesihatan dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan untuk membincangkan komitmen, dasar, status pelaksanaan program dan hala tuju sektor kesihatan yang telah dipersetujui secara konsensus di bawah WHO.

Malaysia telah dilantik sebagai ahli Lembaga Eksekutif WHO mewakili Rantau Pasifik Barat (*Western Pacific Region*) bagi tempoh tiga (3) tahun bermula Mei 2021 hingga Mei 2024.

Selaku ahli Lembaga Eksekutif bagi rantau Pasifik Barat, penyertaan Malaysia ke Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO Sesi Ke-152 ini adalah penting memandangkan platform berkenaan menyediakan ruang bagi konsultasi dan perbincangan lanjut bersama ahli Lembaga Eksekutif yang lain demi kepentingan sektor kesihatan sejagat. Selain itu, Malaysia juga akan mengetengahkan isu-isu kesihatan signifikan yang bukan sahaja melibatkan negara, malah negara anggota Rantau Pasifik Barat.

Komitmen Malaysia dalam menghadiri mesyuarat ini membuktikan Kerajaan adalah konsisten dan komited dalam setiap kerjasama di peringkat antarabangsa. Selain menaikkan imej negara dipersada global, kerjasama yang berterusan ini akan diterjemahkan sebagai usaha Malaysia dalam membangunkan sektor kesihatan secara holistik di dalam negara mahupun di Rantau Pasifik Barat.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**26 JANUARI 2023**